

Perjalanan Menuju ke Jalaluddin Rumi

ANNEMARIE SCHIMMEL

PRAKATA DARIPADA PENTERJEMAH.

Esei ini diterjemahkan kerana didorong tiga perkara.

1. Tokoh yang dikaji ini, Mawlana Jalaluddin Rumi (q.s), adalah penyair Sufi teragung dalam kesusasteraan Parsi. Penterjemah mengkajinya ketika belajar di Universiti Chicago dan Universiti California di Berkeley, USA.
2. Penulis esei ini, Annemarie Schimmel (1922-2003) adalah mantan Prof. Budaya Muslim Indo-Pak di Universiti Harvard, USA. Beliau pernah mengundang penterjemah pada tahun 1976 untuk belajar di bawah bimbingannya. Bagaimanapun, ketika mengikuti program M.A di Universiti Chicago, penterjemah berpeluang menemuinya pada tahun 1979 dan 1980. Disertasi ijazah sarjana penterjemah adalah hasil cadangan cendekiawan luar biasa ini dan telah diterbitkan oleh Penerbit UKM (1983) dengan judul *Qasidahs in Honor of the Prophet*.
3. Bandar yang berkaitan dalam esei ini, Konya, adalah bandar tempat jenazah Rumi disemadikan. Makam ini dilawati penterjemah sebanyak dua kali, iaitu pada Jun 1986 dan April 1988. Baca bisikan hati penterjemah ketika melawat makam mulia ini dalam sajaknya yang berjudul "Di Sini: Rumi dan Rizzi" *Dewan Sastera*, November 2007: 37

*Mari ke rumahku, Kekasih - sebentar saja!
Gelorakan jiwa kita, Kekasih - sebentar saja!
Dari Konya pancarkan cahaya Cinta
Ke Samarkand dan Bukhara sebentar saja!*

Itulah dendangan Mawlana Jalaluddin Rumi [q.s]. Impiannya agar cahaya cinta akan bersinar dari Konya ke Samarkand dan Bukhara "sebutar saja" itu lebih daripada sekadar tercapai. Hal ini kerana lebih daripada 700 tahun, cahaya tersebut menyinari tidak sahaja Dunia Islam di Timur - sejauh perbatasan Bengal - tetapi juga ke Dunia Barat; sementara puisi-puisi Rumi diperkenalkan melalui terjemahan orientalis Jerman dan Inggeris sejak awal abad ke-19.¹

Oleh sebab itu, mari kita berkunjung ke Konya, tempat cahaya itu bersinar. Di sana makam Mawlana Rumi yang terkenal dengan sebutan Yesil Turbe [bahasa Turki] (Kubah Hijau) menggamit perhatian para pengunjung; genting dan ubinnya yang berwarna biru firus itu dapat dilihat dari luar pusat Kota Anatolia yang pada zaman dahulu dikenal dengan nama Iconium.

Beberapa ketika dahulu, saya sering melalui jalan yang menghubungkan Ankara dengan Konya. Kini, jika saya berbicara tentang perjalanan itu, saya terlalu teringat kepada Anatolia tahun 1950-an, sebelum bermulanya ledakan pembangunan dan pemodenan. Itulah zaman orang masih merasa hampir dengan masa Mawlana Rumi, abad ke-13 (M.), ketika setiap langkah di jalan itu adalah langkah perjalanan kerohanian. Setiap batu dan pohon kelihatan mentafsirkan pesan-pesan Rumi ke dalam bahasanya sendiri bagi orang yang mempunyai telinga untuk mendengar dan mata untuk melihat.

Pada masa itu, biasanya orang menempuh jarak 260 kilometer dari Ankara ke Konya dengan bas. Jalannya berkelok-kelok dan mendaki menuju bahagian selatan perbukitan Kota Turki dan bercabang menjadi dua di kilometer 100. Cabang ke sebelah kiri menuju Akesehir, kemudian ke Pergunungan Taurus - ke Gerbang Kilikia ke arah Laut Mediterranean (Laut Tengah) timur - sedangkan cabang sebelah kanan mengarah ke Konya. Di antara dua jalan itu, orang dapat melihat Tasik Garam (Salt Lake) yang besar, yang kadang-kadang nampak kemilau seperti kolam kristal berwarna biru laut, dan ada masanya tasik itu mencerminkan matahari yang sedang terbenam dalam pesona warna merah yang beraneka ragam. Di sebelahnya, pada waktu petang, orang dapat melihat Hasan Dag yang berbentuk kon atau kerucut dengan salji abadi yang selalu menyelimuti lambang bukit kegembiraan, yang dapat dicapai melalui perjalanan malam yang panjang dan sepi dengan air mata yang bercucuran.

Jalan menuju Konya melewati tanah-tanah berbukit, di situ rumah-rumah yang ada tidak dapat dibezakan dengan tanahnya. Pada musim bunga, kita dapat melihat kibas makan rumput segar di padang, bagaikan untaian bunga-bunga kecil berwarna putih. Setelah melalui jalan lurus berjarak kira-kira 60 kilometer, kita sampai di jalan kecil terakhir yang membelah sederetan bukit, dan setelah ini barulah kita sampai di tanah datar Konya yang subur, tempat peradaban kuno (dari penggalian yang dilakukan di Alaca Hoyuk, ditemui lukisan-lukisan dinding yang berasal dari masa sekitar 7000 tahun sebelum Masihi). Dengan menimbus kabus, kita dapat melihat dua gunung berapi yang sedikit demi sedikit menampakkan diri; kedua-dua gunung itu menjadi batas bagi wilayah bahagian selatan yang memisahkan padang-padang Konya dari daerah di sekitar Tasik Beysehir, tempat berdirinya masjid yang indah dengan tiang-tiang kayu yang anggun, juga tempat suci Hittite yang memberi kesan kepada sebuah ukiran timbul (*relief*) Dewa Matahari yang sedang memandang sumber mata air. Penduduk di sana menyebutnya Eflatun Pinari (Mata Air Plato), kerana Plato - begitulah kata legenda - pernah tinggal di tempat ini dan menggunakan kekuatan ajaibnya untuk memberi pusat Kota Anatolia dengan bentuknya yang sekarang ini. Tidakkah pelbagai gagasan Platonik itu telah ada di Anatolia pada masa Mawlana Rumi, sementara karya-karya Rumi itu sendiri merupakan beberapa kesan dari gagasan Neoplatonik?

Di sebelah kanan jalan itu ada sebuah penginapan, Horuzlu Han, yang seolah-olah menantikan kehadiran tetamu. Sebahagian dari bangunannya telah

hancur, walaupun demikian masih tetap memperlihatkan struktur utama rumah-rumah penginapan yang didirikan di Anatolia Tengah selama pemerintahan Saljuk. Di sini ada bilik tamu, tempat kuda, juga tempat peti yang dibuat daripada kulit/plastik (tempat menyimpan pakaian yang dibawa dalam perjalanan), serta surau kecil.

Pada musim sejuk, ketika salji menutupi padang, mungkin sekali orang yang sedang dalam perjalanan terpaksa menginap di penginapan tersebut selama beberapa hari. Dan Rumi dengan tepat membandingkan dunia kebendaan dengan penginapan semacam itu, sementara jiwa merindukan hari-hari yang panas pada musim bunga, ketika salji mencair, dan matahari akan segera mencairkan gumpalan-gumpalan ais, yang selanjutnya ais itu akan pecah dan meleleh menjadi air yang mengalir dan memberikan kehidupan, sementara kafilah dapat melanjutkan perjalanannya ke rumah.

Setelah meninggalkan Horozlu, kami memasuki Konya. Sayangnya, ketika kami berada di Konya, Han sedang dibaiki, dan reruntuhannya yang indah kini sudah dibaiki. Sebuah perkuburan kecil akan membawa kita ke akhir abad ke-13 hingga abad ke-14. Adakah tidak sebaik-baiknya kita berhenti di sini sejenak? Oleh sebab tasawuf itu sendiri didasarkan pada perenungan dan meditasi mengenai kematian, saat-saat jiwa harus bertemu dengan Tuhannya setelah menjalani pertanyaan oleh dua Malaikat Munkar dan Nakir di dalam kubur. Bagaimana perasaan jiwa untuk menghadapi suasana ketika ia harus berdiri di hadapan Hakim Teragung untuk memaklumkan pertanggungjawaban mengenai kelakuan, pemikiran dan ucapannya? Harapan untuk mendapatkan syurga dan kediamannya, ketakutan terhadap hukuman di neraka yang menakutkan, seperti yang digambarkan dalam al-Qur'an, telah menggerakkan orang Mukmin agar taat dan patuh. Walaupun demikian, para ahli sufi lebih memahami perhatian utama insan beriman Rabi'ah [q.s], wanita setia dari Basrah itu (meninggal pada tahun 801 M.), telah mengajar mereka supaya mencintai Tuhan dengan cinta yang murni, bukan kerana harapan dan rasa takut, tetapi kerana keindahan kasih-Nya yang abadi. Tidakkah al-Qur'an menegaskan dengan erti: "*Ya (Allah) mencintai mereka dan mereka pun mencintai-Nya*" (al-Ma'idah [5]:54)? Para pencinta Tuhan tidak lagi takut kepada kematian, tetapi justeru mengharap kerana "kematian adalah jambatan yang menghubungkan pencinta dengan yang dicintai (kekasih)". Apa yang lebih diinginkan selain menemui saat-saat - setelah terbebas dari segala urusan - berkontemplasi tentang Keindahan Ilahiah yang abadi, iaitu menghadap Wujud Ilahiah yang tidak terkirakan, tempat segala suatu berasal dan pulang? *Sesungguhnya kita semua adalah milik Allah, dan kepada-Nya kita akan kembali* (maksud al-Qur'an, surah al-Baqarah [2]:156).

Jika berdiri di tengah-tengah barisan batu nisan kuno ini, rasanya kita seperti mendengar kata-kata yang diucapkan Rumi untuk menghiburkan temannya selama akhir masa sakitnya, pada musim gugur tahun 1273:

*Bila kematian itu manusia
Yang dapat kupeluk erat-erat!
Aku kan mengambil darinya jiwa, bersih
dan tidak berwarna
Ia akan mendapatkan dariku jubah berwarna,
hanya itu! (D 1326)²*

Burung bulbul “jiwa” dan burung helang “Roh” akan kembali ke rumah mereka yang abadi - ke kebun mawar, ke dalam genggam tangan Sang Raja.

Sebuah makam di tanah perkuburan menarik perhatian pengunjung kerana tingginya; itulah makam Saljuk, yang kehadirannya menyampaikan sesuatu tentang kebudayaan pada zaman Rumi. Antara pengagum dan pencintanya, ada wanita kelas tinggi dan juga perempuan dengan profesion yang kurang terhormat. Dan walaupun si penyair kadang-kala mengulangi ulasan-ulasan yang kurang - suatu citra yang mempunyai persamaan dengan dunia Kristian pada Abad Pertengahan - namun dia sangat menyedari kebahagiaan hidup dalam perkahwinan dan keindahan cinta manusia.

Kini, perjalanan sudah sampai di pusat kota. Tiba-tiba masjid besar itu ada di hadapan kami, di puncak sebuah bukit. Bangunan sederhana yang dibina oleh Sultan Alaudin Kaikobad pada tahun 1221 ini dapat menampung kira-kira 4,000 jemaah. Walaupun bahagian luarnya tidak dihias, bangunan itu memiliki mihrab yang indah, sementara khat dan gambar hiasan bunga dan tumbuh-tumbuhan yang halus terbuat daripada seramik berwarna putih, hitam dan biru firus yang menjadi ciri khas kesenian Saljuk. Di situ juga terdapat sebuah mimbar khutbah yang tinggi dibuat daripada kayu bermutu tinggi dengan reka bentuk geometrik yang rumit. Betapa seringnya Mawlana Rumi berdiri di tempat ini ketika solat Jumaat! Solat adalah pusat kehidupannya, bukan solat yang ditunaikannya hanya dengan bibir dan kaki tangan, melainkan solat yang memiliki erti penyatuan diri dengan Ilahi Tercinta.

*Begitu banyak aku berdoa
hingga aku berubah
menjadi doa itu sendiri -
Setiap orang melihat diriku
memohon doa dariku. (D 903)*

Bait ini mungkin merupakan potret diri yang paling sejati daripada seorang ahli sufi besar.

Masjid ini dahulu berdampingan dengan istana kerajaan. Kini, hanya tinggal satu tiang. Beberapa ukiran timbul batu di muzium di seberang istana menunjukkan betapa indahnya perhiasan gerbang dan dinding istana pada zaman Rumi: berkali-kali Rumi pasti melalui sebuah gambar hiasan yang menunjukkan seekor *unicorn* (sejenis binatang bertanduk satu hanya ada dalam khayalan) yang sedang mengangkat seekor gajah dengan tanduknya. Dongeng binatang

dari Timur yang kuno ini digunakan Rumi sebagai lambang kekuatan cinta: bukankah Cinta ini kuat seperti *unicorn* yang sanggup memikul makhluk biar seberat manapun? Dan Rumi tentu telah melihat dan mungkin mengagumi gambar malaikat (malaikat penjaga ?) yang sedang berlutut di istana ini.

Masjid Agung Konya selalu menjadi pusat pertemuan masyarakat Anatolia. Oleh sebab itu, sebuah peti yang berisi peninggalan Islam yang paling berharga, iaitu rambut Rasulullah S.A.W, pernah disimpan di dalam lekuk dinding masjid ini pada masa peperangan. Peninggalan tersebut ditemui kembali oleh Pengarah Muzium, Mehmet Onder, pada tahun 1950 ketika tempat tersebut sedang dibaiki. Kain sutra pembungkus peti kecil molek tersebut mengeluarkan harum bunga mawar dan mengingatkan kita pada penghormatan Mawlana yang begitu mendalam terhadap Rasulullah S.A.W - “Pemimpin kafilah jiwa Mustafa”, gelarnya kepada Rasulullah S.A.W dalam sebuah puisi ekstatiknya, terucap Cinta mengajak jiwa untuk pulang ke rumah Keagungan (*kibriya*) Ilahi.

Turun dari masjid, kami memasuki bangunan berbentuk bersegi-segi yang agak kecil dengan kubah yang berbentuk bulat sempurna. Bangunan itu adalah Madrasah Kataray, yang didirikan sebagai tempat untuk mempelajari ilmu-ilmu alami oleh seorang kawan Maulana, Tuan Jalaludin Karatay [r.h], pada tahun 1251. Bangunan indah yang dibuat daripada batu dengan tulisan Arab - sebahagian besar terdiri daripada Nama-Nama Allah yang Indah - mengelilingi pintu gerbang, tetapi perasaan takjub ini akan menjadi lengkap jika kita memasuki bangunan tersebut. Kubah itu menunjukkan suatu jaringan bintang-kemintang yang rumit dan selalu berhubung antara satu dengan yang lain secara sulit. Di sini juga digunakan seramik yang berwarna biru firus, hitam dan putih. Begitulah kebiasaan pada masa itu. Mata akan mengikut lima segi tiga Turki, sementara empat buah sudut membentuk daerah peralihan dari gendang besar yang berbentuk bersegi-segi kepada yang berbentuk bulat pada kubah di atasnya: pelbagai segi tiga itu dipenuhi dengan tulisan dengan nama-nama Nabi Muhammad S.A.W dan juga nama-nama Nabi terdahulu, serta nama-nama Empat Orang Pertama yang menjadi penerus Nabi, iaitu khalifah-khalifah yang mendapat bimbingan (*al-Khulafa' al-Rashidun*). Tulisan-tulisan tersebut menggunakan seni khat gaya Kufi yang bersegi. Gendang besar itu bertuliskan ayat-ayat al-Qur'an dalam jalinan huruf-huruf Kufi yang sangat indah, dan kemudian pandangan pengunjung akan mencuba menghuraikan jaring-jaring bintang yang terus meninggi mencapai jendela yang ada di bahagian atas. Di sini, pada malam hari, orang dapat melihat bintang-kemintang yang sebenarnya, yang sampai gilirannya akan terbayang di dalam kolam kecil di bawah kubah; “metafora itu membawa kepada Hakikat (Realiti)”. Dengan demikian, pola bintang-kemintang yang menakjubkan pada kubah, yang hanya dapat difahami dengan pengetahuan matematika yang tinggi, membawa bintang-kemintang yang sebenarnya - seperti gaya parabola dan metafora dalam karya-karya Rumi, yang sering kali kelihatan saling menjalinkan secara aneh sehingga para pencari ke Realiti yang hidup, yang pada gilirannya terbayang dalam air hati yang suci.

Tiada bangunan di Konya, atau bahkan di negara mana pun yang saya tahu, dapat mengungkapkan puisi-puisi Rumi dengan lebih baik kecuali bangunan madrasah (sekolah agama) ini. Kini, bangunan itu dijadikan muzium yang berwarna-warni dan kemilau, rumah koleksi seramik Saljuk yang ditemui di istana kerajaan Kobadabad, dekat Tasik Beysehir.

Sebuah madrasah yang berhampiran dengannya, beberapa ratus meter dari tempat itu, pada pandangan pertama terlihat jauh lebih sederhana. Sebenarnya hiasannya biasa sahaja, tetapi gerbangnya membuat pengunjung terpesona. Bangunan ini disebut "Ince Minareli" (yang bermenara ramping) dibina pada tahun 1258, tahun kemelut bagi Dunia Islam. Di bawah kekuasaan Hulagu, bangsa Mongol yang menjajah Baghdad, pusat pentadbiran Khalifah 'Abbasiyyah sejak tahun 750 dan membunuh khalifah terakhir dinasti itu. Oleh sebab itu, Dunia Islam kehilangan apa yang sudah lama menjadi lambang persatuan (walaupun selama beberapa abad terakhir, khalifah jarang sekali menggunakan kekuatan yang sebenarnya). Tahun 1258 nampaknya menandai akhir susunan lama, maka - seperti yang sering disimpulkan - tahun itu menjadi akhir bagi kebudayaan lama Islam. Dua tahun sebelumnya, orang Mongol menyerang Konya, tetapi seperti biasa, dapat dihalau oleh kekuatan kerohanian Mawlana.

Gerbang madrasah di bawah benteng itu dihiasi ayat-ayat al-Qur'an dengan tulisan kursif yang sempurna: perkara itu adalah salah satu contoh tulisan tangan kursif dalam seni bina, dan dengan demikian menandai awal kesedaran artistik. Ince Minareli, yang menara rampingnya telah hancur kerana disambar petir beberapa puluh tahun yang silam, kini berfungsi sebagai muzium untuk pertukangan batu Saljuk, dan orang mengagumi pecahan batu bertuliskan ayat-ayat al-Qur'an dalam huruf Kufi serta beberapa ukiran timbul yang berhasil diselamatkan daripada reruntuhan istana.

Setelah melalui beberapa madrasah dan masjid, kami memasuki jalan sempit hingga kami tiba di sebuah perkuburan kecil yang terbuka dan hanya dilindungi pagar kawat: di sini dikuburkan Sadrudin Qunawi [q.s], anak tiri dan penterjemah besar karya-karya Ibn 'Arabi [q.s] (meninggal pada tahun 1240), yang sistem tasawufnya tersebar di seluruh Dunia Islam dan sangat mewarnai semua ulasan dan tafsiran terhadap karya-karya Rumi sesudahnya. Sadrudin dan Mawlana sama usianya, dan tidak lama setelah penyair ini meninggal dunia, failasuf besar ini pun menyusulnya. Pendekatan mereka terhadap tasawuf dan Hakikat Ilahiah berbeza: yang satu mengikut jalan Pengetahuan, Makrifat; sedangkan yang lainnya mengikut jalan Cinta; tetapi mereka bersahabat dan saling menghormati, kerana kedua-duanya menyedari ada banyak jalan menuju Tuhan, sebanyak jumlah umat manusia. *Bazar* pandai (atau tukang) emas saat ini sama menariknya dengan *bazar* yang ada pada masa Mawlana menjelajahi *bazar* dan bertemu dengan rakannya, pandai emas Salahuddin. Penjual permaidani dan juga kedai barang-barang sulaman yang kecil mengingatkan pengunjung pada beberapa baris puisi Mawlana yang paling indah: Tidakkah

ia ingin menyulam kain pelana dengan air mata dan darah hatinya untuk menjadi kenderaan samawi, Cinta, atau membuat kain satin merah bermutu tinggi daripada air matanya yang bernoda darah untuk dibentangkan di hadapan Kekasih?

Harumnya wangi-wangian dan aroma bahan-bahan makanan melimpah memenuhi udara. Dan kami ingat betapa Konya dahulu (dan sampai sekarang) terkenal dengan masakan dagingnya yang istimewa dan juga gula-gula serta kueh-muehnya. Maka, orang hampir tidak terkejut jika mendapati, antara metafora yang digunakan Rumi untuk Cinta, suatu perbendaharaan kata luas yang berhubung dengan makanan - kerana “yang mentah harus dimasak”. Mengenai aroma dan keharuman (*bu*), itu pun merupakan kata-kata kunci dalam puisinya: aroma mengingatkan jiwa akan sesuatu pada masa lalu, akan suatu hari yang bahagia ketika berada di hadapan seseorang yang dicintai, dan “keharuman adalah bahagian untuk orang-orang yang tidak dapat melihat”; seperti yang diucapkan Mawlana ketika secara tidak langsung merujuk kepada kisah dalam al-Qur’an tentang Nabi Yusuf [A.S], yang keharuman bajunya dapat menyembuhkan kebutaan ayahnya, Ya‘qub [A.S].

Setelah itu, sebuah bangunan kecil yang sedarhana di pusat kota menarik perhatian kami. Itulah *maqam*, iaitu tugu yang dibina untuk mengenang Syamsi Tabriz [q.s], orang yang mengubah Mawlana menjadi penyair. Tempat ini harus dikunjungi. Kalau tidak, Syams akan marah, dan akibatnya akan berbahaya

Berhampiran dengannya, pada zaman dahulu ada rumah Mawlana, tetapi kesannya sudah tidak ada lagi. Oleh sebab itu, kami berbelok menuju Yesil Turbe, ‘mauzolium’ (bangunan makam yang besar dan indah) itu sendiri, tempat kami menemui monumen Rumi dan peti jenazah ayahandanya serta keturunannya di sebuah gedung yang indah dengan dua kubah pada masa-masa sebelumnya. Satu daripada dua gedung tersebut digunakan untuk upacara (tarekat) Mawlawi yang dilakukan selepas selesai menunaikan solat Jumaat. Bangunan itu diubah menjadi sebuah muzium pada tahun 1925, setelah Atartuk menutup semua sanggar seni tari darwis dan melarang semua kegiatan tarekat darwis. Hanya Mehmet Dede, seorang darwis yang sudah tua, dibenarkan tinggal dalam kamarnya yang kecil, dan itulah saat-saat yang mengharukan bagi saya ketika dia memeluk dan memberkati saya setelah berbicara dengan saya pada 17 Disember 1954, pada perayaan pertama ulang tahun meninggalnya Mawlana. Sanggar seni tari darwis yang kecil terletak di antara dua taman kecil molek itu juga telah diubah menjadi bahagian daripada muzium. Dapur tuanya yang sangat besar dibiarkan sahaja, di tempat inilah seseorang murid kepada mursyid harus mengabdikan selama 1001 hari, melakukan kerja-kerja kasar yang paling sederhana. Darwis (tarekat) Mawlawi pada masa mendatang akan belajar menghafal dan mentafsirkan *Mathnavi*, karya Rumi, dan diajar muzik, sementara yang paling penting adalah menari berpusing-pusing (*sama*’), dan penguasaan penuh atas tubuh dalam tarian ini diperlukan. Sebuah paku besar yang ada di lantai diletakkan antara ibu jari dengan jari telunjuk kaki sebelah kanan, guna menjaga

agar penari selalu dalam kedudukan yang benar. Setiap hari dia harus belajar berpusing-pusing mengelilingi paksinya selama beberapa detik sampai dapat berpusing selama satu jam penuh atau lebih. Setelah 1001 hari berselang, bererti dia sudah “masak” dan menjadi anggota sepenuhnya dalam tarekat itu.

Sebagai muzium juga, Yesil Turbe masih menjadi tempat berkunjung bagi orang soleh, dan selalu dikunjungi lelaki dan perempuan dari pelbagai desa dan kota Anatolia, dan dari Istanbul. Golongan terpelajar pun datang untuk belajar di perpustakaan muzium, mengenai manuskrip Abad Pertengahan; tetapi sedikit demi sedikit pengunjung ke muzium-‘mauzolium’ itu adalah para pelancong yang hanya ingin melihat tempat itu tanpa mempunyai pengertian yang memadai mengenai pentingnya peranan dan karya Mawlana bagi kebudayaan Turki dan bagi kehidupan tasawuf.

Di sebelah ‘mauzolium’ itu ada sebuah taman kecil yang semerbak harumnya tempat makam beberapa pengikut ahli sufi, yang menghantar perasaan damai. Sebuah masjid dari Dinasti ‘Uthmaniyyah dibina berhampiran dengannya dan menghadap ke sana.

Orang dapat menemui banyak tempat di Konya yang nampaknya membawa keharuman hadirnya Mawlana. Kadang-kadang kami mengenderai kereta kuda yang berwarna merah untuk pergi ke Meram, daerah perkebunan yang terletak di wilayah yang berbukit dan kini di kawasan itu banyak universiti baru dibina. Di sana, kita dapat melihat sebuah sungai kecil, di tepi sungai itulah Mawlana sering bertemasya bersama-sama para muridnya; suara kincir air dan gemuruhnya air sungai sering mengilhaminya untuk berpusing-pusing atau membawa puisi-puisi yang menunjukkan bahawa suara kincir dan gemuruhnya sungai menjadi lambang kehidupan:

*Hati ini seperti butir biji, dan kita seperti kincir.
Katakanlah, adakah kincir itu tahu
mengapa ia berpusing ?
Tubuh ini ibarat batu, air adalah fikiran -
Batu berkata: “Oh, air mengerti!”
Air berkata: “Tidak, tolong tanyakan pada kincir -
Ia mengirimkan air ke lembah - tanyalah;
apa sebabnya!”
Kincir berkata: “Hai pemakan roti - Haruskah ini
berhenti
Maka katakanlah, apa yang dilakukan
oleh pembuat roti ?...” (D 181)*

Dan Mawlana akan menyanyikan lagu tentang bunga-bunga dan semak-semak yang tumbuh di tepi sungai. Beliau dapat memahami suara bunga-bunga dan semak.

Konya dengan rumah-rumahnya yang tua (antaranya banyak yang telah dirobohkan dan diubah menjadi bangunan apartmen yang buruk), keluarga-

keluarganya, taman-tamannya - itulah sebuah dunia tempat Mawlana masih tetap hidup. Ada orang yang masih menjalankan tradisi, yang tidak hanya membaca *Mathnavi*, meniup seruling, dan senang menulis khat untuk mengenang Mawlana, malah mereka juga sudah “masak” - yang dengan kata lain, mempunyai jiwa yang matang sehingga mereka benar-benar menjadi murid sejati Mawlana, sebagai perwujudan Cinta Ilahi yang dipancarkan dalam hidupnya juga dalam karyanya. Dan pengunjung akan menyebut Rumi seperti yang pernah dilakukan penyair ini kepada kekasihnya:

*Lihatlah, banyak telah cucuba,
dan mencari di mana-mana
Tapi tak pernah kutemui sahabat
seperti dirimu.
Aku mencuba setiap pancuran,
setiap buah anggur,
Tapi tak pernah
merasakan kenikmatan minuman anggur
semanis dirimu*

[Demikian coretan seorang sarjana agung (A.S.) yang berpuluh-puluh tahun mengulughayati khazanah karya warisan Mawlana. Kemudian datanglah sarjana cilik - penterjemah artikelnya ini - yang masih mengembara untuk mendapat pengalaman dan penghasilan karya yang sama - moga-moga - atau hampir sama dengan sarjana agung itu. Buat sementara, sempena menyambut ulang tahun ke-800 kelahiran Mawlana, sarjana cilik ini - dengan nama pena Rizi S.S. - menukilkan rasa puitisnya yang tersiar dalam *Berita Minggu Malaysia*, 30 September 2007:

TAUTAN

*Kuteliti dirimu di Chicago-Berkeley
kupelajari bahasamu
dalam kembara ilmiah
kuziarahi makammu Jun '86
di Konya.*

*Hari ini
30 September 2007
ulang tahun 800
kelahiran Sufi - pujangga - sarjana
pencetus khazanah peradaban
penyinar dunia
tak kira pendayung
risalahmu ditafsir dihayati
tarekatmu dianuti
bersemaraklah gagasanmu*

*Rumi!
doa kudus Rizi
kaulah misali.]*

NOTA

- ¹ Antara terjemahan sajaknya ke bahasa Melayu (dwibahasa) terdapat dalam Muhammad Bukhari Lubis, 1999, *Cerpen Kritikan Puisi Arab Parsi Turki: Segugus Pilihan dan Terjemahan*, Penerbit UPM & ITNM: 130 - 139.
- ² [D di sini bermaksud *Divan-i Kabir*, karya agung kedua Rumi selepas *Mathnavi*. *Divan-i Kabir* juga dikenali sebagai *Kulliyat-i Shams*. *Divan-i Kabir* di sini merujuk edisi Badi 'uzzaman Furuzanfar, 10 jilid, terbitan Universiti Tehran, 1959-1961. Angka selepas D itu merujuk kepada bilangan puisi yang dimaksudkan dalam edisi berkenaan.]

(Sumber asal rencana ini adalah dalam bahasa Inggeris dengan judul *Pilgrimage to Rumi* dan sudah diterbitkan dalam buku Annemarie Schimmel, 1992, *I Am Wind You Are Fire: The Life and Works of Rumi*: 1-10. Boston & London: Shambhala)

Penterjemah: Bukhari Lubis, Ph D
Penerbit
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Tanjung Malim
35900 Perak

Emel: dr_blubis@gmail.com